

**MEDAN SELERA BERSIH, MAKANAN SELAMAT DAN SIHAT MENJADI PILIHAN DI
LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 1 (LPT1)**

KUANTAN, 31 Oktober 2023 – ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1), telah mencapai kejayaan luar biasa dengan kemenangan dalam dua kategori utama bersempena Pertandingan Medan Selera Terbaik dan Premis Terbaik Peringkat Negeri Pahang anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kemenangan berganda dalam kategori Medan Selera Terbaik dan Premis Terbaik bersempena Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia peringkat negeri Pahang itu, sekaligus menunjukkan komitmen syarikat memastikan tahap kebersihan, keselamatan, dan kualiti dalam perkhidmatan makanan dan minuman di semua kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di sepanjang lebuhraya kendaliannya sentiasa cemerlang

"Kami amat gembira dengan pencapaian ini dan ia merupakan satu penghargaan kepada usaha kami dan peniaga di R&R ini dalam terus memastikan kualiti perkhidmatan, kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan berada pada tahap yang terbaik." Menurut Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan, Noorfarizan Lod.

Beliau juga menegaskan bahawa sememangnya menjadi amalan ANIH dan rakan niaga di sepanjang jajaran lebuhraya KLK dan LPT1 untuk berusaha menyediakan pengalaman menjamu selera terbaik, termasuklah penyediaan kepelbagai menu sihat serta menepati selera semua kaum.

Medan Selera R&R Temerloh Timur telah dinobatkan sebagai juara manakala Medan Selera R&R Gambang Timur dan Medan Selesa R&R Temerloh Barat masing - masing menggondol gelaran Naib Juara dan Tempat ketiga bagi kategori Medan Selera Terbaik pertandingan tersebut. Kejayaan Medan Selera R&R Temerloh Timur ini sekaligus telah melayakan mereka untuk bertanding di peringkat Kebangsaan pada tahun hadapan.

Selain kategori Medan Selera Terbaik, tiga premis yang dikelola oleh ANIH Berhad juga meraih kejayaan dalam kategori Premis Terbaik. Premis tersebut adalah:

- 1. Kategori Premis Minuman: Intan Berlian (R&R Temerloh Barat)**
- 2. Kategori Premis Makanan Sup: Zaa Tiga Enterprise (R&R Gambang Timur)**
- 3. Kategori Premis Makanan Bermasak: Dapur Panas D Timur (R&R Gambang Timur)**

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur) dan Twitter, (@LPTTrafik) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@llmtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia). Untuk sebarang kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800- 88- 7752.

-TAMAT

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad ialah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang ke Jabor di KM 250.6 Terengganu, LPT memendekkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar utama di sebelah Pantai Timur khususnya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diuruskan oleh Kumpulan MTD.

Dikeluarkan Oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
communications@mtdgroup.com.my**